**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 Jun 2021**
**16 Zulkaedah 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| **Berita Harian** | • Kekalkan pesona ekosistem marin<br>• Taman laut lindungi hidupan marin |
| **Harian Metro** | |
| **Kosmo !** | |
| **Sinar Harian** | |
| **The Star** | |
| **New Straits Time** | |
| **Nanyang Siang Pau** | |
| **Malaysia Gazette** | |
| **Harakah** | |
| **Malaysia Dateline** | |
| **Bernama** | |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | |
| **Guan Ming Daily** | |
| **Sin Chew Daily** | |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 35 | 27/06/2021 |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ……………………………… | | | |

| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|



# Kekalkan pesona ekosistem marin

## Terumbu karang perlu dipelihara elak ancaman kepupusan

**Oleh Suzalina Halid**
suzalina@bh.com.my

**Keindahan** terumbu karang pelbagai spesies, warna dan bentuk menjadikan pesona ekosistem marin di dasar laut itu bertambah unik terutama ketika ditembusi panah cahaya matahari.

Di Malaysia mempunyai 619 spesis karang keras, selain 1,619 spesies ikan marin.

Ini menjadikan di Semenanjung sebagai kawasan biodiversiti yang penting di peringkat global.

Jumlah itu mewakili 80 peratus daripada bilangan spesies dikenal pasti di tapak setara di 'Segitiga Karang', yang diketahui miliki kepelbagaian karang terbesar.

Namun, menuju ke arah negara maju, Malaysia berhadapan cabaran besar dalam menguruskan ekosistem marin ini.

Perubahan iklim dunia serta kesan antropogenik memberi impak besar kepada alam sekitar termasuk kemerosotan ekosistem marin seperti berlaku keluntura karang, peningkatan paras laut, pengasidan air laut dan sebagainya.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata nilai terumbu karang negara dianggarkan antara RM10.1 juta hingga RM174 juta setahun.



Penyelam terlatih melakukan inventori bergambar ke atas terumbu karang bagi merekodkan pemantauan kesihatan ekosistem marin.
(Gambar Ihsan Jabatan Perikanan)

Ini tidak termasuk nilai sumbangan terumbu karang kepada sektor perikanan negara, ekopelancongan, perlindungan pesisiran pantai, nilai potensi farmaseutikal dan nilai estetika.

Katanya, terumbu karang Malaysia dalam keadaan sederhana baik dan purata karang keras membentuk terumbu karang adalah 37.15 peratus.

"Substrat untuk rekrut pertumbuhan karang baru bagi benih melekat adalah sangat tinggi dengan petunjuk gangguan, ancaman dan pencemaran di kawasan yang mempunyai ekosistem karang," katanya.

### Industri marin menurun

Hasil kaji selidik oleh ReefCheck Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia, pada 2020 mendapati kesihatan terumbu karang semakin menurun, ikan dan invertebrata penduduk adalah rendah, namun kesan manusia serta perubahan iklim semakin meningkat.

"Hasil kajian dan laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), pada 2010, menunjukkan industri perikanan mengalami trend menurun. Dijangka berlaku kehabisan stok perikanan pada 2048, jika tiada langkah mitigasi diambil secara aktif mulai sekarang.

"Justeru, bagi pertambahan habitat dan spesies ini, program kerjasama yang menyokong kepada obligasi negara seperti konvensyen antarabangsa diharap dapat meningkatkan kelestarian sumber stok perikanan," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, beberapa mekanisma perlu diambil untuk memperlahankan kemerosotan stok perikanan dengan memberi ruang pulih semula termasuk meningkatkan kawasan perlindungan marin daripada 10 hingga 20 peratus, merekabentuk jaringan kawasan perlindungan marin (MPA) yang mampan dan mengurangkan impak luaran terhadap eksositem marin.

Lihat muka 36

